



قائمتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 1

RABU 2 JANUARI, 1985.

رابع الاخير 9 رابو 1405

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dengan diiringi oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Hussain, memeriksa barisan kehormatan sejurus sebelum berangkat meninggalkan Jordan.

Brunei, Jordan setuju jalin hubungan k-sama

NEGARA Brunei Darussalam akan mengadakan hubungan diplomatik dengan Jordan.

Perkara ini telah diumumkan dalam satu kenyataan bersama (joint communique) di hari terakhir lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke negara Jordan.

Kenyataan ini telah dikeluarkan sejurus rundingan di antara kedua pemimpin serta rombongan menamatkan rundingan mereka yang berlangsung di Istana Basman.

Setakat ini Brunei Darussalam mempunyai hubungan diplomatik di Timur Tengah yang beribu

Oleh: Manap Rahman

pejabat di Cairo, Republik Arab Mesir.

Kenyataan itu juga menambah Brunei Darussalam dan Jordan juga bersetuju untuk mengadakan hubungan kerjasama dua hala yang telah dicapai dengan rasa penuh persaudaraan dan kekeluargaan antara dua pihak.

Dalam hubungan ini Kerajaan Jordan juga bersetuju untuk memberikan tempat di beberapa buah universiti dan tempat pengajian di negara tersebut khusus untuk penuntut-penuntut Brunei

Darussalam.

Kerajaan Jordan juga dipetik bersetuju akan membekalkan tenaga pakar teknikal ke negara ini.

Kedua pihak juga bersetuju untuk mengadakan usaha bersama dengan memberikan kepentingan kepada hal-hal keislaman.

Rundingan tersebut juga menyentuh persoalan yang melanda Timur Tengah dan kedua pihak mengutuk tindakan Israel yang cuba menukar identiti Arab dan Islam di sekitar kawasan Tebing Barat dan Sempadan Gaza yang dijajahnya.

Lihat muka 24

Pameran kerjaya tentera

PERKHEMAHAN BOL-KIAH. — Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengadakan Pameran Kerjaya Tentera tahun 1985, dalam usahanya menarik minat lebih ramai belia dan meliawanis menceburi kerjaya tentera.

Bagi Daerah Brunei-Muara, pameran akan diadakan pada 6 Januari di kawasan letak kereta, Stadium Negara Hassanal Bolkiah di Berakas.

Pameran tersebut juga akan diadakan di Sekolah Menengah Muda Hashim, Tutong pada 13 Januari dan di Maktab Anthony Abell, Seria bagi Daerah Seria-Belait pada 20 Januari, 1985. Pameran Kerjaya Tentera bermula dari jam 9.00 pagi hingga 3.30 petang.

Banyak lagi kewajipan perlu dilaksanakan:

TUGAS KITA BELUM SELESAI — titah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa banyak lagi tugas dan kewajipan yang kita perlu laksanakan dengan sempurna demi untuk kebajikan anak cucu dan keturunan kita yang akan datang.

Kerana itu, titah Baginda, adalah mustahak bagi kita di

negara ini membaharui tekad serta azam, berusaha serta bertawakal kepada Allah Subhanahu Wataala, pada mengatasi cabaran dan rintangan dalam perlaksanaannya.

Baginda Yang Dipertuan mengingatkan semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam bahawa dengan tercapainya semula kemerdekaan itu bukanlah bererti tugas kita telah selesai setakat itu.

DETIK SEJARAH

Kemerdekaan yang kita capai semula itu, titah Baginda, adalah satu detik dalam sejarah negara di mana pada detik tersebut tercatat kenyataan yang Brunei Darussalam telah mencapai semula kemerdekaan dalam suasana aman dan tenteram.

Bertitah sempena tahun baru yang disiarkan melalui radio dan televisyen pada malam Selasa lalu, Baginda bertitah,

"Mulai dari sekarang, ada

banyak lagi tugas-tugas dan kewajipan yang perlu kita laksanakan dengan sempurna demi untuk kebajikan anak cucu dan keturunan kita di masa yang akan datang."

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sekali lagi menekankan peri mustahaknya rakyat dan penduduk negara ini hidup bersatu padu dalam keadaan yang bersefahaman dan saling bekerjasama.

Rakyat dan penduduk negara ini juga diingatkan supaya akan sentiasa berwaspada terhadap apa jua anasir yang cuba mengacau keamanan dan merosakkan kedaulatan negara.

Bersempena dengan tahun baru 1985, Baginda Yang Dipertuan mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan di semua peringkat yang telah menjalankan tugas masing-

masing dengan sempurna, jujur lagi amanah.

"Kita berharap mereka akan terus memberikan perkhidmatan yang cekap, jujur dan amanah dalam erti kata yang sebenar-benarnya, tugas kerana Allah untuk kemajuan negara kita Brunei Darussalam."

Baginda juga seterusnya berterima kasih kepada pekerja-pekerja di sektor persendirian atas sumbangan yang telah mereka berikan.

MANISNYA IMAN

"APAKAH orang-orang yang melakukan kejahatan itu, menyangka bahawa Kami akan menjadikan mereka itu sama seperti orang-orang yang beriman dan orang-orang yang mengerjakan amal yang salih? Iaitu sama saja antara kehidupan dan kematian mereka? Amat buruk sekiranya yang mereka sangkakan itu. — Makna ayat 21 Surah Al-Jathia.

Brunei jalin hubungan diplomatik dengan Republik Arab Yemen

BAGI hasrat meningkatkan hubungan bersama yang telah wujud antara kedua-dua negeri, dan memandangkan kedua-duanya adalah anggota O.I.C. yang sama-sama berpegang kepada prinsip-prinsip dalam Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, maka Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Arab Yemen kini membuat keputusan untuk menubuhkan hubungan diplomatik di peringkat Duta Besar mulai hari Jumaat 5 Rabiulakhir 1405H bersamaan dengan 28 Disember 1984.



2 JANUARI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MEMASUKI TAHUN KEDUA KEMERDEKAAN

DI AMBANG tahun 1985 ini, diucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu, tentunya juga kita tidak lupa bahawa hari ini genap usia setahun negara kita merdeka penuh. Kemerdekaan yang

dicapai secara sedar, penuh khushuk serta diharapkan restu dan berkat dari Ilahi. Doa dan harapan kita bersama itu insya Allah akan terus terpenuhi.

Alhamdulillah. Dalam usia setahun ini negara kita telah berjaya meletakkan dirinya di mata dunia. Sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja negara kita telah pun menampakkan masa depan yang cerah. Semua ini kerana tentunya dari sikap kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, selaku tampuk pemerintahan negara. Juga sokongan dari pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai Kerajaan serta rakyat dan penduduk negara ini.

Kepada negara luar, Brunei Darussalam ini sebuah negara yang mewah kerana minyak sebagai sumber ekonominya. Selain itu ada berbagai-bagai tanggapan orang luar terhadap negara kita ada kalanya melampau dari batas-batas tertentu.

Semua ini adalah dari kaca mata orang menyukat dan mengukur kita.

Bagaimana pula kita selaku rakyat dan penduduk negara ini? Apakah sikap dan tanggapan kita mengenai tinjauan kaca mata orang luar terhadap kita? Juga apakah pula sikap dan tanggapan kita sendiri terhadap negara kita ini? Kepada tanggapan orang luar kita mestilah selalu bersikap waspada dan berhati-hati. Sebab segala puji puja dan sanjungan itu bukan bererti lahir dari sikap bertanggungjawab mereka terhadap negara kita ini. Segala had sukat yang mereka buat berdasarkan dari bersifat 'luaran' yang tidak memperhitungkan diri mereka di dalamnya. Ini kita mestilah berhati-hati.

Apakah pula sikap dan tanggapan kita sendiri? Tentu juga sikap dan tanggapan kita berbagai-bagai. Cuma satu yang berbeza dari orang luar, kita sebenarnya memperhitungkan diri kita sendiri dalam segala tindak-tanduk kita.

Lantas di awal tahun, dalam usia muda kemerdekaan kita ini sepatutnya kita membulatkan tekad akan terus mengekalkan identiti dan corak negara Melayu Islam Beraja kita di tempatnya yang wajar. Kita tebakkan keimanan dan semangat cinta dan kasih kepada agama, negara, bangsa dan raja bukan sahaja melalui pengucapan bahkan melalui sikap dan cara hidup kita sehari-hari.

Kita sepatutnya menyokong kepimpinan negara kita agar terus kekal dan kukuh menghadapi cabaran-cabaran di tahun-tahun muka.

Tekad dan azam kita itu tentunya elok kita belai pelihara melalui saluran-saluran tanggungjawab kita. Umpamanya selaku ibu bapa, pemimpin-pemimpin belia masyarakat dan pegawai-pegawai Kerajaan yang diamanahkan dengan tanggungjawab yang semestinya ditunaikan.

Semogalah tahun-tahun akan datang akan lebih cerah dan cemerlang.



GAMBAR atas kelihatan sebahagian dari peserta ketika mengikuti kursus tersebut.

27 PEGAWAI HADIRI SEMINAR PENGURUSAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 27 orang pegawai kanan dari berbagai jabatan kerajaan telah mengikuti Seminar Konflik Pengurusan dan Meningkatkan Sikap Bekerja selama tiga hari, mulai 18 Disember lepas di Bilik Mesyuarat Jabatan Perjawatan.

Menurut seorang jurucakap Unit Latihan Jabatan Perjawatan, seminar itu bertujuan mengenal pasti faedah-faedah konflik bagi para pengurus dan sesebuah organisasi, memahami bentuk masalah yang dihadapi, membincangkan konflik secara terbuka dan membina, menolong para pembantu kerja berbincang dan menyelesaikan konflik yang

mereka hadapi serta menghadapi dan memperbaiki pekerja yang tidak produktif.

"Seminar ini adalah yang pertama kali diadakan," katanya.

"Topik-topik dalam seminar ini meliputi antara lain bentuk konflik dan sebab-sebabnya, mengenali konflik dan memberi tumpuan kepada masalah-masalah itu, garis pandu membincangkan masalah secara bekerjasama dan menggunakannya dalam pekerjaan," ujarnya lagi.

Dalam seminar itu para peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang akan membincangkan pelbagai idea dan bagaimana menggunakan kemahiran-

kemahiran yang ada pada mereka.

Menurut jurucakap itu seminar itu dikendalikan oleh Profesor Dean Tjosvold dan Dr. Roger Gill.

Prof. Tjosvold adalah profesor Organizational Behaviour di Simon Fraser University, Kanada dan Profesor Tamu di Universiti Minnesota, Amerika Syarikat.

Manakala Dr. Roger Gill pula ialah Pengarah Pengurusan dan Konsultan Principal Roger Gill & Associates Pte Ltd, Singapura dan bekas profesor Organizational Behaviour And Human Resources Management di School of Management, State University of New York, Binghamton.

Didenda \$5 ribu kerana rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mahkamah Majistret di sini telah mendenda seorang rakyat Singapura, Awang Chia Pek Ee @ Gavin Chia sebanyak \$5,000.00 dan diperintahkan membayar balik wang tuntutan palsu sebanyak \$2,034/- kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

Awang Chia Pek Ee, Pengarah Pengurusan Syarikat Silver Source Berhad Kuala Belait didenda setelah mengaku bersalah ke atas dua kesalahan di bawah Bab 417 dari Undang-Undang

Hukuman Jenayah.

Awang Chia Pek Ee didakwa di mahkamah yang sama pada 18 Julai, 1984 kerana kesalahan memberi rasuah berupa wang sebanyak \$200/- dan \$700/- kepada Awang Cheo Ah Hon, seorang pekerja Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Wang tersebut adalah sebagai ganjaran bagi beliau menukarkan surat tempahan yang dipunyai oleh syarikat tersebut dengan wang tunai tanpa mengambil barang-barang yang terdapat di dalam surat tempahan itu,

iaitu satu kesalahan di bawah Bab 6(b) dari Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) 1981.

Atas kesalahan itu juga, Awang Chia Pek Ee telah didakwa di bawah Bab 417 dari Undang-Undang Hukuman Jenayah kerana telah membuat tuntutan palsu sebanyak dua kali kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad, yang mana mengakibatkan syarikat tersebut telah membayar wang sejumlah \$2,034/- bagi barang-barang yang tidak diterimanya.

Keputusan BJCE/SRPB:

LAPAN BUAH SEKOLAH LULUS 100 PERATUS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima buah sekolah aliran Inggeris di negara ini telah mendapat seratus peratus kelulusan dalam peperiksaan Brunei Junior Certificate of Education -BJCE, yang diadakan dalam bulan Oktober lepas.

Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains adalah satu-satunya sekolah Kerajaan yang mendapat kelulusan penuh, dengan 93 orang mendapat pangkat 1, 16 orang mendapat pangkat 2 dan seorang mendapat pangkat 3.

Empat lagi yang lain ialah Sekolah Misi St. Margaret's, St. Michael's, St. John's dan Chung Ching Middle School di Seria. Dari seramai 50 orang calon sekolah St. Margaret's yang menduduki peperiksaan tersebut, 34 orang mendapat pangkat 1, 14 orang mendapat pangkat 2 dan dua orang mendapat pangkat 3.

Dari sekolah St. Michael's, pula seramai 19 orang berjaya mendapat pangkat 1, dan seorang mendapat pangkat 2, dan dari seramai 29 orang calon St. John's yang men-

duduki peperiksaan itu, 27 orang mendapat pangkat 1 dan dua orang mendapat pangkat 2. Sementara itu lima orang calon dari Chung Ching Middle School mendapat pangkat 1 dan 17 orang mendapat pangkat 2.

Dari seramai 2,099 orang calon sekolah Kerajaan aliran Inggeris yang menduduki peperiksaan itu, seramai 1,799 orang lulus dengan 409 orang mendapat pangkat 1, 849 orang mendapat pangkat 2 dan 541 orang mendapat pangkat 3.

Dari sekolah Misi dan Cina, 423 dari 437 orang lulus dengan 274 orang mendapat pangkat 1, 137 orang mendapat pangkat 2 dan 12 orang mendapat pangkat 3.

Sementara itu, seramai 113 orang calon kelas dewasa dan persendirian lulus dengan 13 orang berjaya mendapat pangkat 1, 50 orang mendapat pangkat 2 dan 50 orang mendapat pangkat 3.

Dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Brunei -SRPB pula seramai 354 dari 409 orang calon telah lulus iaitu bersamaan dengan 86.55 peratus.

Tiga buah sekolah mendapat kelulusan 100 peratus. Sekolah-sekolah tersebut ialah Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains, Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan, Temburong dan Sekolah Menengah Agama Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Seramai 28 orang calon yang dikemukakan oleh MMPSBS, Sekolah Sains, seramai 14 orang mendapat pangkat 1, 11 mendapat pangkat 2 dan tiga orang mendapat pangkat 3.

Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan mengemukakan 27 orang calon. Seorang mendapat pangkat 1, 200 mendapat pangkat 2 dan enam mendapat pangkat 3.

Dari 66 orang calon SMUP RIPAID - seramai 33 orang mendapat pangkat 1, 24 mendapat pangkat 2 dan sembilan mendapat pangkat 3.

Manakala, dari seramai 114 orang calon persendirian yang menduduki peperiksaan tersebut hanya 50 orang lulus, dengan 22 orang mendapat pangkat 2 dan 28 orang mendapat pangkat 3.



BERAKAS. — Pertubuhan Perkumpulan Wanita Brunei (WI) cawangan Brunei menyumbangkan derma \$600.00 kepada Tabung Orang-Orang Cacat Negara Brunei Darussalam pada petang Isnin lepas.

Pengelola WI cawangan Brunei, Pengiran Hajjah Rohana binti Pengiran Temenggong Pengiran Haji Mohamed menyampaikan derma tersebut kepada Pemangku Timbalan Pengarah Jabatan Kebajikan,

Belia dan Sukan, Awang Haji Abd Mokti bin Mohd Daud di pejabatnya.

Derma itu adalah sebahagian dari hasil jualan kuih hari raya baru-baru ini dan salah satu kegiatan tahunan pertubuhan itu.

sudut Royal Brunei سودوت

Rally ASEAN 84:

RBA - MUDA SERI TEMPAT KEENAM

BERAKAS. — Selain dari kereta Diraja Brunei Muda Seri, ada beberapa buah lagi peserta dari Brunei Darussalam yang sampai ke garisan penamat Rally ASEAN 1984. Bill Cook dari Toyota NBT mendapat tempat pertama, Diraja Brunei Muda Seri keenam, Andrew Macdowell dan Ian Grey kesepuluh.

Haji Azahari kembali dari kursus



AWANG Haji Azahari

BERAKAS. — Pegawai Perancang di bahagian Perancangan Diraja Brunei, Awang Haji Azahari Haji Mahmud, kini telah kembali ke tanahair setelah selesai menghadiri Kursus Pengangkutan Udara di Politeknik Central London.

Menurutnya, apa yang dipelajarinya semasa kursus itu adalah berguna kepada kerjanya dan amat bernilai kepada kerjayanya pada keseluruhannya. Dia juga telah membuat beberapa hubungan yang menarik.

Kursus selama seminggu kelolaan Fakulti Alam Sekitar itu telah dihadiri oleh kakitangan kanan syarikat penerbangan di seluruh dunia, termasuk beberapa orang peserta dari Syarikat Penerbangan dan Pentadbiran Penerbangan Awam di United Kingdom dan juga wakil dari Timur Tengah Afrika dan Filipina.

Kursus tersebut telah membincangkan berbagai perkara, termasuk ramalan permintaan, faktor-faktor yang mempengaruhi kos, perancangan kapal terbang, Undang-Undang Udara Antarabangsa, daya penghasilan, perancangan hasil, deregulation, pengendalian pemasaran barang kiriman udara, menetapkan harga dan ekonomi catat udara.

Awang Haji Azahari pernah menuntut di London selama dua tahun pada awal tahun 1980.

Raja Brunei dan Muda Seri telah menganjurkan bema sebuah kereta dan satu Pasukan Bantuan telah mendapat tempat pertama dan Kelas 2 Kumpulan 1 dan tempat keenam pada kesruhan.

Tempat keenam adalah satu kejayaan yang cemerlang memandang bahawa sebuah kereta yang mengambil bahagian, dan tidak seperti kebanyakan kereta lain, Mazda 323 GT adalah sebuah kereta biasa, ya enjinnya tidak diubah suai.

Ily bukanlah perlumbawalaupun ia suatu acara yang mempunyai persaingan danesti dimenangi. Ia terbagi kepada peringkat pehan dan khas, di mana dan peringkat khas pemandu selaju yang mungkin, dari mula hingga akhir tanpa tergendala atau memui kemalangan.

antara peringkat-pegkat khas ini, antara sahingga 80 batu adalah pegkat perlahan, yang mmasa tersebut membekikan para pemandu mandu dengan selamat, dan lingkungan had laju dadak melanggar undang-undang.

Pemain RBA menang

KEB Sukan dan Sosial Perbangan Diraja telah berjaya menganjurkan perlinan ping-pong baru-baru.

Pemaran yang hanya terbuka kepada syarikat perniagaan di Daerah Brui Muara itu dibahagikan kepada tiga bahagian — bahagian persembahan perempuan, bahagian persembahan lelaki dan pasukan.

Sera 22 orang peserta — meliputiadanya perempuan menyertai dalam bahagian persembahan dan lapangan mengambil bahagian dalam perpasukan lelaki.

Dayang Kong dari Teo Trading mpany muncul sebagai pahan dalam bahagian persembahan perempuan, johan disandang oleh yang Foo Chik Lim dari Cered Bank dan pemenang ketiga ialah Dayang Linok Peck dari Perbangan Diraja Brunei.

Johan dan bahagian persembahan lelaki ialah Awang Haji Mudi bin Haji Hamed dari A. naib johan Awang Chien Khen dari

Colin dan John, pemandu kereta Diraja Brunei Muda Seri menegaskan, rally ini sebagai menimbulkan kesedaran yang kuat terhadap keselamatan jalan raya. Kesedaran itu adalah bahawa awda hendaklah memandu dengan waras dengan mematuhi batasan undang-undang, mengetahui keupayaan kereta dan kebolehan pemandu, dan hanya berjalan laju pada peringkat khas dengan keadaan terkawal tanpa mendatangkan kecederaan kepada orang lain.

Colin Jackson dan pembantunya, John Henderson dari Bahagian Kejuruteraan Diraja Brunei mempunyai pengalaman rally di Australia dan United Kingdom, memuji Pasukan Bantuan yang menggunakan Landrover lama Diraja Brunei. Pasukan Bantuan yang semuanya dari bahagian loji dan kelengkapan Diraja Brunei menyediakan kereta dan Landrover untuk rally tersebut yang berjalan sejauh 2500 km.

Pasukan Bantuan terdiri dari John Davies, Azama Manan, Heu Yin Nang dan Roger Page. Betapa pentingnya Pasukan Bantuan dapat dilihat dari pemenang rally ini.

National Bank Ltd dan Awang Morgan Han dari RBA memenangi tempat ketiga.

Pasukan Penerbangan Diraja Brunei telah muncul sebagai johan dalam bahagian berpasukan, Chartered Bank tempat kedua dan Mulpha Brunei Sdn. Berhad tempat ketiga.



PESAWAT 'Combi' Diraja Brunei menerbangkan tiga buah kereta yang menyertai perlumbaan tersebut ke Kuching.

Kegiatan pelatih di musim cuti

BERAKAS. — Pelatih-pelatih Diraja Brunei yang berpangkalan di Christchurch, New Zealand baru-baru ini telah mengadakan jamuan makan tengah hari di Kelab Sukan dan Sosial syarikat itu di sini.

Pelatih-pelatih yang sedang dalam cuti musim panas di New Zealand itu telah mengadakan satu siri kegiatan, termasuk lawatan ke Pusat Teknikal Diraja Brunei di mana mereka akan bekerja kelak, dan ke Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mendengar satu

taklimat.

Kesemua dua puluh tiga orang pelatih yang sedang dalam percutian itu juga akan menemui pihak pengurusan dan rakan sejawat mereka dan berharap akan mengadakan perlawanan sukan dengan Kelab Sukan dan Sosial Diraja Brunei. Mereka kebanyakannya berminat dalam sukan, di mana hampir satu pertiga daripada pemain pasukan bola sepak Syarikat Penerbangan New Zealand yang berpangkalan di Christchurch adalah orang Brunei, yang juga giat bermain badminton.



PELATIH-pelatih RBA ketika mengadakan jamuan makan tengah hari (atas) dan gambar bawah kelihatan mereka mendengarkan penerangan mengenai susunan pentadbiran Jabatan Penerangan.

Lawatan ke Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai sembilan orang pelatih-pelatih dari Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah melawat ke Jabatan Penerangan di Ibu Negara pada Rabu lepas.

Mereka telah dialu-alukan dengan ucapan dari Pegawai Penerangan Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab dan kemudian diikuti dengan taklimat berkenaan dengan struktur pentadbiran jabatan ini dan susunan pentadbiran Negara Brunei Darussalam sebelum dan sesudah merdeka yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan Awang Yusof Ladi.

Pelawat-pelawat tersebut juga telah berkesempatan beramah mesra dengan Pengarah Penerangan YDM Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman dan lain-lain pegawai jabatan berkenaan.

Sementara itu lawatan yang sama bagi wadar-wadar yang baru berkhidmat di Pejabat Penjara akan diadakan esok 27 Disember.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-258

TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT

25) Ilmu Ugama Diangkat, Banyak Perniagaan dan Kalam.

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad, Al-Bazzar, At-Tahawi, At-Tabarani dan lain-lain Hadis sahabat Ibnu Mas'ud bahawa Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda:

Ertinya: "Bahawa dari tanda-tanda hampir kiamat bahawa zahir nyata kalam (pen) tulisan."

Menurut riwayat Ibnu Mubarak dan lain-lain dari Mursul Hassanil Basry telah berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda: "Tiada bangkit hari kiamat sehingga diangkat ilmu ugama dari dada, dan melimpah harta, dan zahir nyata kalam tulisan, dan banyak perniagaan."

Diriwayatkan oleh Al-Imam An-Nasai dari Hadis Amru bin Taghlib daripada Nabi Salallahu Alaihi Wassalam bahawa Baginda telah bersabda: ertinya: "Bahawa dari tanda-tanda hampir hari kiamat ialah banyak harta, banyak perniagaan dan zahir nyata kalam tulisan."

Setengah orang men-takwilkan Hadis ini bahawa

ada banyak tulisan dan banyak kitab sebagaimana takwil Kutaibah dalam Uyunul-Akhhbar ini bukan begitu, kerana tulisan telah banyak di dalam kurun yang kedua Hijrah lebih dari 1000 tahun. Sebenarnya Hadis ini menunjukkan tanda-tanda hampir kiamat, iaitu pada zaman kita ini. Sebagaimana lain-lain tanda kiamat yang ada sekarang ini, jadi ia bukan seperti takwil Ibnu Kutaibah dalam Uyunul-Akhhbar itu. Hanya Hadis itu menunjukkan pada dua perkara:

1) Keluar banyak kalam seperti fountain pen dan pada masa sekarang, dan kalam ballpoint pen dan lain-lain hampir-hampir semua orang mempunyai dua atau tiga kalam di dalam koceknya, dan bertaburan bermillion-million kalam itu sekarang bersama-sama dengan bertaburan perniagaan dan dengan banyak harta benda, yang tiada didapati pada masa-masa dahulu.

2) Takwil mengatakan bahawa banyak sekolah, dari sebab itu banyak tulisan, itu takwil majaz bukan hakikat, menyalahi yang ada dalam Hadis yang menyebutkan bahawa zahir atau keluar kalam dengan nyata pada

(Sambungan)

pandangan orang dengan lafaz zohor iaitu nyata.

26) Semua Orang Makan Riba Kerana Bank:

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud, Ibnu Majah, Al-Hakim dari Hadis Abi Hurairah telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya: "Demi datang kepada manusia oleh suatu zaman, tiada seorang pun melainkan dia makan riba, dan barangsiapa tiada makan riba, maka ia kena riba juga dari debu-debunya."

Dalam Musnadul Harith daripada Al-Hassan daripada sahabat Abu Hurairah telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya: "Akan datang suatu zaman kepada manusia, mereka pada masa itu semuanya makan riba. Kami sahabat berkata: "Ya Rasulullah semua mereka?"

Sabda Baginda ertinya "Ya dan barangsiapa tiada makan akan riba, nescaya ia kena debu riba itu."

Berkata Al-Hassan bin Arafah dalam al-Juz daripada

sahabat Huzaifah berkata: Telah bersabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya: "Tiada bangkit kiamat sehingga Allah jarangkan ada tiga perkara iaitu:—

"Duit dari sumber yang halal, dan ilmu yang memberi guna (Kerana orang-orang sekarang mencari ilmu kerana cari makan dan cari dunia, sedikit sahaja yang belajar ilmu pengetahuan kerana Allah dan agama Allah, dan jarang-jarang kita dengar dalam syarahan-syarahan mengajak orang kerana Allah Taala), dan sahabat kerana Allah, (hanya sahabat kerana faedah, yang banyak berlaku sekarang)."

Diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Nuaim dalam al-Hilyah dari Hadis sahabat Ibnu Umar telah berkata: Telah bersabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya: "Sedikit sangat didapati pada akhir zaman (zaman sekarang) duit dari sumber yang halal, atau sahabat yang boleh iktimadkan (boleh diharap)."

Ini betul berlaku

sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, adalah Ulama pada zaman dahulu men-takwilkan hadis-hadis ini bahawa sebab berlaku begitu dengan sebab kurang mengetahui hukum muamalat seperti jual beli, hutang, jual emas perak dengan sebab itu mereka tercedur dalam makan riba, sekalipun ini betul, tetapi yang makan riba itu hanya saudagar-saudagar dan orang-orang yang memang suka makan riba, dan tiada rata kepada semua manusia sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam (semua orang makan riba) erti hadis, hanya yang betul semua orang makan riba ialah dengan adanya bank-bank yang rata-rata menjalankan riba pada segala harta benda, maka tiadalah tinggal sesen pun yang halal melainkan sedikit sangat, bagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam. Kita lihat imam-imam, mubaligh-mubaligh bilal-bilal, guru-guru ugama, dan ulama-ulama pun gaji mereka melalui bank. Ini suatu bala besar. Dan Kongres Ekonomi Islam yang pertama di Mekah Al-Mukaramah yang

berlangsung selama enam hari bermula pada 21 Februari, 1976, Ulama dan pakar-pakar Ekonomi dari negeri-negeri Islam bersungguh-sungguh pada membuat dasar bank yang tiada makan riba dan tehi pun ditubuhkan tiga bank yang berdasar tiada riba. Dan saya salah seorang ahli jemp-putan ke kongres itu.

Ini setengah-setengah perkhbarian yang ghaib yang dikehendaki oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam, mengajak kita lebih-lebih dekat kepada Islam dan cintakan Islam dan beramal dengan Islam dan kita jauhi anasir jahat dan mencegah kejahatan dari Islam dan umat Islam. (Dipetik dari kitab "Mutabaqah al Ikhtiraat al asriyyah lima akhbara bihi Sayyid ul Bariyyah.")

Oleh al Muhaddis al Faqieh as Syied Ahmad as Siddiq al ahumari Rahimahullah).

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)

Sambutan Maulud

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam anjuran bersama Syarikat Kerjasama Peladang Bersaudara dengan penduduk-penduduk Kampong Bengkurong dan sekitarnya telah berlangsung di Dewan Sekolah Melayu Bengkurong pada hari Selasa lepas.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan ayat Suci Al-Quran dan diikuti oleh ucapan alu-aluan dari Pengerusi Majlis, Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim. Kemudian disusuli pula syarahan khas Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam yang disampaikan oleh Ustaz Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar.

Kira-kira 200 orang telah hadir di majlis tersebut. Majlis diakhiri dengan persembahan zikir marhaban beramai-ramai oleh penduduk-penduduk kampong yang diketuai oleh Tuan Imam Haji Abdul Gafar bin Ghani — JOE.

Tiga adik-beradik memeluk Ugama Islam

TUTONG. — Tiga orang adik-beradik berbangsa Iban yang berasal dari Kampong Belabau, Tutong memeluk ugama Islam di satu majlis di Rumah Haji Abd Rahman bin Haji Piah di Kampong Biong Layong pada 20 Disember lalu.

Awang Saljan Anak Kusau 20 tahun memilih nama Islamnya sebagai Mohd Sharol Amara bin Abdullah, Dayang Dayun Anak Kusau 17 tahun dikenali sebagai Nurbayani binti Abdullah dan Dayang Nipah Anak Kusau 15 tahun dikenali sebagai Rosziyanna binti Abdullah.

Mereka melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abdul Hamid Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Tutong, Hajjah Salmah binti Abdul Ghani, Guru Ugama Tingkatan Khas Bahagian Dakwah dan Tabligh dan Awang Yusop Haji Kamis Pembantu Kanan Perkembangan Ugama.

Turut hadir di majlis tersebut, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Kassim bin Metali, selaku tetamu kehormat, dan juga memberikan ucapan nasihat ialah Pehin Orang Kaya Indera Lela Begawan Mudim Dato Seri Utama Awang Haji Ibrahim.

Juga memeluk ugama Islam sekeluarga bangsa Iban, Dayang Timah Anak Ujah 19 tahun yang memilih nama

Islamnya sebagai Anita Abdullah, dan tiga orang anak beliau Nike Kessidy, 3 tahun sebagai Abdul Aziz Abdullah, Mohamad Asri Abdullah, 1 tahun dan Christina Anak Angkok, 3 bulan dikenali sebagai Azrina Abdullah.

Upacara pengislaman bagi mereka telah berlangsung di Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong di hadapan Awang Haji Abdul Hamid Haji Tamat, pada 12 Disember yang lalu.

Sementara pengislaman bagi seorang bangsa Cina berasal dari Kampong Penabai Kuala Tutong telah berlangsung di Rumah Haji Hasbolah Dato Haji Mohd Yusof Kampong Petani Tutong pada 9 Disember lepas. Teo Bee Chin 23 tahun memilih nama Islamnya sebagai Naniraten Teo Abdullah.

Pengislaman bagi seorang bangsa Dusun, Pospa binti Akun, 18 tahun telah dilangsungkan di Rumah Awang Jais bin Dollah di Kampong Penanjong, Tutong yang disempurnakan oleh Haji Abdul Wahab bin Haji Osman, Imam Masjid Kampong Penanjong pada 20 Disember lalu. Pospa berasal dari Kampong Rambai Tutong, memilih nama Islamnya sebagai Noraishah binti Abdullah.

Pernando D. Tingey dari Filipina berusia 25 tahun memeluk ugama Islam dan kini dikenali sebagai

Nurhafizah binti Abdullah. Beliau melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Saedah binti Abdullah, Merinyu Hal Ehwal Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Tutong pada 24 Disember lalu.

Kesatuan Pengusaha Bumiputera Belait ditubuh

KUALA BELAIT. — Kesatuan Pengusaha Bumiputera Belait telah ditubuhkan di sini baru-baru ini bertempat di Dewan Pejabat Daerah Seria.

Menurut jurucakap persatuan tersebut bahawa pelancaran perasmian persatuan itu diadakan di Dewan Pejabat Daerah Seria pada 20 Januari.

Pelita difahamkan bahawa sejauh ini ada empat buah persatuan, dewan atau gabungan pengusaha-pengusaha atau peniaga-peniaga Melayu telah ditubuhkan di negara ini, iaitu: Dewan Perniagaan Melayu, Gabungan Peniaga-Peniaga Kecil, Gabungan Perusahan Peniaga-Peniaga Bumiputera Daerah Seria, Setiausaha Perhubungan, Awang Harun bin Mokti, Setiausaha Keba-

Para pemimpin Kesatuan Pengusaha Bumiputera Belait terdiri: Yang Dipertua, Malai Abdul Hamid bin Haji Malai Mashor, Naib Yang Dipertua, Haji Awang Samad bin Haji Metussin, Pengerusi, Pengiran Abd. Rahman bin Pengiran Haji Abas, Setiausaha Agung, Awang Hazibul bin Haji Zainal Abidin Puteh dan Timbalan Setiausaha Agung, Haji Awang Jumat bin Haji Ideris.

Bendahari, Dayang Masnah, Timbalan Bendahari, Hajjah Malai Mariam bte. Haji Malai Mashor.

Setiausaha Per-niagaan/Ekonomi, Awang Hatta bin Haji Zainal Abidin Puteh, Setiausaha Perhubungan, Awang Harun bin Mokti, Setiausaha Keba-

jikan, Malai Hassan bin Haji Malai Othman.

Setiausaha Penerangan, Haji Awang Ali bin Kunji Ahmad, Jawatankuasa: Awang Bujang bin Rasin dan Malai Taufik bin Haji Malai Mashor. Ketika ditanya objek dan kegiatan persatuan itu ditubuhkan, jurucakap persatuan itu mengatakan bahawa ianya tidak lain ialah untuk menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, untuk berkecimpung dan mengambil bahagian yang aktif dalam perusahaan dan perniagaan di negara ini; terutama kerja-kerja yang terdapat di Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad, di Seria dan Kuala Belait. — C.M. YUSUF.



MENCARI KESEENANGAN TIDAK DILARANG

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Tidaklah dapat dinafikan bahawa manusia itu tidak sunyi dari melakukan dosa, sama ada dosa itu dosa kecil atau dosa besar dan tidaklah pula dapat disangkal bahawa manusia itu dari semula jadinya selalu tergoda dan terpengaruh oleh suasana dan keadaan yang berlaku di sekitar hidupnya dan juga masyarakatnya.

Dalam keadaan hidupnya yang serba moden ini manusia itu lebih-lebih lagi giat berlumba-lumba mencari kesenangan dan kelazatan, dan di dalam keadaan beginilah ada kalanya manusia itu lupa daratan dan lalai terhadap ajaran-ajaran Allah Taala.

Di dalam masalah mencari dan mengunjar kenikmatan dan kelazatan di dunia ini tidaklah dilarang oleh Islam malah adalah digalakkan asalkan sahaja kita tetap berada di dalam landasan dan ajaran-ajaran Islam.

Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam ada bersabda yang maksudnya kira-kira, "Bekerjalah kamu untuk duniamu seolah-olah kamu akan hidup buat selamanya dan bekerjalah untuk akhiratmu seolah-olah kamu akan mati pada esok hari."

Hadis ini menerangkan kepada kita bahawa adalah digalakkan membuat dan mengerjakan urusan-urusan dunia itu seolah-olah kita ini akan hidup buat selamanya, digalakkan kita mencari kenikmatan hidup di samping itu jangan pula kita lupa dan lalai terhadap tugas dan urusan-urusan akhirat kita.

Di dalam kita mencari dan memperolehi kelazatan dunia dan membuat urusan-urusan akhirat, maka hendaklah kita selalu menaruh perasaan takut kepada Allah Taala dan taat melaksanakan ajaran-ajaran-Nya.

Sayidina Umar Ibnu Al-Khattab pernah jatuh rebah sesudah mendengar suatu ayat Tahwif dan Sayidina Umar terus menderita sakit kerananya.

Pada suatu hari Sayidina Umar pernah memegang sebiji anak kopi lalu berkata, "Baiknya kalau aku dijadikan sebagai sebiji anak kopi ini, dan alangkah baiknya kalau aku belum dilahirkan oleh ibuku."

Dari peristiwa di atas ini jelaslah kepada kita bahawa ketakutan kepada Allah itu bukan sahaja harus pada diri kita selaku orang biasa, bahkan ia juga telah sedia

bersarang di hati dan perasaan seorang khalifah.

Bagi kita yang telah terlanjur berada di dalam apa yang dinamakan gelombang hawa nafsu dan lupa daratan itu, maka bagi kita belumlah terlambat untuk kembali ke pangkal jalan. Allah Subhanahu Wataala telah memberi jaminan dan bersedia menerima taubat hamba-Nya kiranya kita memohon ampun dengan hati yang jujur dan ikhlas. Firman Allah di dalam Al-Quran ayat 133 Surah Ali-Imran yang maksudnya kira-kira:

"Dan bersegeralah kamu mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapatkan syurga yang luasnya laksana tujuh petala langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa."

Setengah-setengah dari sifat takwa itu ialah sentiasa ingatkan Allah Subhanahu



Wataala, ingat segala suruhan dan larangan-Nya, cepat menginsafi dan menyadari kesalahan-kesalahan dan cepat kembali

kepada Allah dengan meminta dan memohon ampun serta meninggalkan segala perbuatan-perbuatan yang tidak diredai oleh Allah.

Menghargai hidup

Menuju
keredaan
Allah

TIAPI-tiap suatu yang bermula di dalam dunia ini pasti akan ada kesudahannya, dan begitulah yang telah diatur dan ditetapkan kepada sekalian makhluk. Berfirman Allah Taala di dalam Surah Ar-Rahman ayat 27 yang tafsirannya kira-kira: "Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa dan yang kekal hanyalah zat Tuhan-mu yang mempunyai kebesaran dan kemuliaan."

Suatu ketika dalam mengharungi hidup yang singkat ini pasti kita akan menempuh berhentinya nadi dan nafas—malaikat menjemput roh dan nyawa, itulah dia mati yang tetap mendampingi setiap insan dan setiap makhluk yang bernyawa, tidak kira siapa, besar atau kecil, raja atau rakyat, melata atau merayap, lelaki atau perempuan, di gunung atau di baruh, di laut atau di darat tidak dapat tidak kita tetap akan menempuhnya. Hari ini kita mendengar berita keluarga untuk si polan, manalah tahu hari esok atau lusa berita keluarga kematian untuk kita atau saudara-saudara kita—itu adalah di dalam maklum Allah Subhanahu Wataala, tetapi mati pasti sampai akhirnya. Bagaimana gagah,

bagaimana kaya, bagaimana kuasa, namun kedatangan maut tidak dapat ditangkis, dan sejarah telah menunjukkan tidak ada manusia yang dapat mempertahankan hidupnya sejak zaman berzaman.

Apabila Jibril datang memanggil seluruh badan rasa menggigil dan terpisahlah roh dari jasad, badan terkujur tidak bernyawa, siksa maut membaham terserlah pada amal kebajikan semasa hayatnya. Maka kematian adalah suatu pengalaman pahit yang tiada taranya pasti akan dilalui dan kita tidak dapat melarikan diri daripadanya seperti firman Allah yang bermaksud: "Setiap nyawa pasti merasa mati."

Kehidupan di dunia ini sebenarnya tidaklah terlalu panjang, mana-mana insan yang sempat singgah di dunia ini kadar jangka sebenarnya, sejak atau sehingga lanjut

usianya melewati usia nabi, semuanya itu adalah pinjaman jua dan umur itu adalah amanah dan dugaan dari Allah, apa yang telah kita gunakan selama umur kita 30, 50, 70, hatta 100 tahun? Adakah bakti kita curahkan, adakah ibadat kita amalkan, adakah adil kita hukumkan, adakah kewajiban kita tunaikan, semuanya terpapar persoalan-persoalan itu kelak ditanya di akhirat dalam temuduga di hadapan Allah Azza Wazala. Oleh kerana kita menyadari kehidupan di dunia ini tidak lama dan tidak panjang maka bertanyalah kepada diri sendiri dengan pertanyaan dari nurani yang padat dengan keinsafan. Adakah kita telah menghabiskan usia kita dengan sebaik-baiknya atau dalam lain perkataan: sudahkah kita menghargai hidup dan kehidupan?

Bagi orang-orang yang tahu menghargai hidup dan kehidupan ini, mengerjakan

amal salih dan melakukan berbagai-bagai rupa kebajikan yang diredai Allah memang tidak diragukan ganjarannya yang sudah disediakan oleh Allah Subhanahu Wataala. Begitulah juga bagi orang-orang yang lalai dan alpa terhadap hidup dan kehidupan ini ganjarannya juga telah disediakan, dan di dalam mengurniakan ganjaran-ganjaran itu Allah tidak berlaku curang kepada setiap hamba-Nya.

Untuk mengharungi medan kehidupan supaya tidak terbiar lepas, maka akal fikiran dan ilmu pengetahuanlah yang memainkan peranan yang penting, ilmu pengetahuan yang memberi manfaat sahaja, hidup setiap individu di ruang dunia ini tidak akan menjadi sia-sia, pendek kata ilmu pengetahuan yang berguna, akal fikiran yang waras amatlah penting dalam menjalin kehidupan ini guna

menghargai usia kita. Kemanakah usia telah dihabiskan atau untuk apa usia dipergunakan?

Tanpa ilmu yang bermanfaat, akal yang waras kita akan terus hanyut dalam gelombang arus nafsu yang mana peranan nafsu sememangnya sering mengarahkan kepada sesuatu yang dilarang dan bertenangan dengan ajaran Allah. Dalam hal ini syaitanlah memainkan peranan penting pemegang teraju utama kerana syaitan merupakan musuh manusia yang paling terkutuk dari sejak Adam Alaihissalam. Peranan syaitan tidak kendur-kendurnya, syaitan tetap menghasut dan

memperdayai. Manusia yang lemah imannya tetap akan masuk perangkapnya dan menjadi mangsanya.

Insan yang lalai dengan kehidupan dunia, ia sering terjerumus ke kenech yang dimurkai Allah. Manusia tersebut sering membuang masa hidupnya dengan berbagai-bagai appointment sosialnya yang tidak memberi apa-apa faedah, lupa akan tanggungjawab terhadap segala-galanya dan yang rugi ialah dia telah lupa kepada tanggungjawab terhadap Allah yang mengurniakan segala nikmat-nikmat hidup.

Lawatan perkhidmatan perubatan ke pedalaman

BANDAR SERI BEGAWAN. Perkhidmatan Perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ke beberapa kawasan pedalaman di teruskan lagi sepanjang bulan ini.

Hari ini, rombongan perubatan berada di Kampong Bukit di Daerah Tutong, manakala penduduk-penduduk Kampong Benutan akan menerima perkhidmatan tersebut pada 9 Januari ini.

Rombongan tersebut juga akan berada di Kampong Mapol pada 14 Januari, Ukong pada 21 Januari,

Belabau pada 23 Januari, Supon Besar pada 29 Januari dan Long Mayan pada 30 Januari.

Sementara itu, di Daerah Belait, rombongan akan mengadakan lawatan ke Kampong Teraja dan Apak-Apak pada 7 Januari, Buau pada 8 Januari, Sukang pada 22 Januari dan Melilas pada 28 Januari.

Kampong Lopat di Daerah Temburong akan menerima kunjungan serupa pada 15 Januari ini, sementara Biang Menengah dan Lamaling akan menerima kunjungan pada hari berikutnya.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 2 Januari, 1985 hingga ke hari Selasa 8 Januari, 1985 adalah seperti di bawah ini:—

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
2-5	12.30	3.49	3.50	6.26	6.27	7.39	7.40	5.11	4.57	5.12	6.28	6.29
6-8	12.33	3.51	3.52	6.28	6.29	7.41	7.42	5.13	4.59	5.14	6.30	6.31

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

PENDAHULUAN

PENEKANAN titah pada 1 Januari 1984 yang memasyhurkan serta mengisytiharkan bahawa Brunei adalah sebuah negara Melayu Islam Beraja adalah merupakan logik dan kesimpulan dari susur-galur sejarah, budaya dan sosio-politik yang wujud berkembang dari era Brunei tua hingga ke era Brunei moden. Ia bukan suatu yang bersifat baharu dalam erti kata kita teraba-raba untuk menjangkaunya. Peri mustahaknya negara Melayu Islam Beraja ditegaskan dalam sempena mengambil alih semula tanggungjawab penuh antarabangsa dengan didahului oleh latar belakang perkembangan dan kemajuan politik negara ini bermula tahun 1947 hingga pencapaian semula kemerdekaan sepenuhnya itu adalah berasaskan kepada tekad, hasrat dan citarasa kita sekalian yang ingin lebih memantapkan serta mengukuhkan negara serta dengan negara-negara lain.

Kandungan pengisytiharan itu adalah suatu manifestasi kedaulatan negara dalam erti kata pihak Kerajaan dan rakyat bersepadu dalam segenap sikap untuk menentukan kepentingan bersama dalam memajukan dan membangunkan Negara Brunei Darussalam menurut persefektif ketulenannya.

Melayu Islam Beraja

Setakat ini definisi kata-kata 'Melayu Islam Beraja' itu dapat dirujuk kepada Perlembagaan negara 1959, Pemasyhuran Mengangkat Raja-Raja 1959 dan Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961.

Sambutan dalam pemasyhuran bersejarah pada 1 Januari 1984 itu menegaskan lagi hasrat serta harapan yang kemerdekaan itu akan benar-benar merupakan lanjutan proses meneruskan asas-asas kenegaraan yang turun-temurun. Dalam aspek perpaduan, ia dapat diselaraskan dengan titah Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu pembukaan rasmi Persidangan Majlis Mesyuarat Negeri kali ke-21 pada 21 Disember 1983 yang antara lain, "Kita memang berhasrat supaya di zaman kemerdekaan nanti kita akan dapat meneruskan asas-asas kehidupan yang mesra dan bersefahaman antara berbagai puak keturunan yang mencurahkan taat setia kepada negara ini berasaskan undang-undang dan apa jua peraturan yang telah ditetapkan dengan tidak mengeneipkan hukum-hukum agama Islam kita."

Jangka setahun dalam cucuran rahmat serta sedutan nikmat kemerdekaan semula itu telah membuktikan peningkatan kemersaan serta persefahaman antara rakyat dan Kerajaan di negara yang seluas 2,226 batu persegi ini bahawa kita adalah Bangsa Brunei yang cukup mengerti terhadap hakikat dan tanggungjawab kemerdekaan semula itu.

Kesepaduan di kalangan rakyat selayaknya dikekalkan

dengan merenung kembali titah perutusan sempena menyambut tahun baru 1985 yang mana Baginda Sultan mengingatkan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini, "Supaya akan sentiasa mengamalkan sikap rajin berusaha serta sentiasa memelihara perpaduan yang direddi Allah dalam erti kata bersopan-santun dan galat mengahai antara satu dengan lain yang mana sifat dan pembawaan seperti itu adalah seisi dengan identiti keBruneian yang tulen atau hidup dengan penuh beradab dan beradap zahir dan batin, yang mana sistem kehidupan seperti itu telah pun kita warisi dari zaman ke zaman."

Manakala titah perutusan menyambut tahun baru 1984 pula Baginda Sultan antara lain menitikkan, "Sekarang adalah menjadi tanggungjawab bagi setiap rakyat di Negara Brunei Darussalam ini untuk memelihara dan menjamin supaya kemerdekaan negara kita Brunei Darussalam ini akan terus berkekalan dan akan dapat pula dinikmati oleh anak cucu keturunan kita di masa akan datang. Pada mencapai tujuan ini, maka rakyat dan seluruh penduduk di Negara Brunei Darussalam ini mustahaklah untuk hidup bersatu-padu dan sentiasa berwaspadanya terhadap apa jua anasir yang cuba untuk merosakkan keamanan, kemerdekaan serta kedaulatan negara kita Brunei Darussalam yang tercinta ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga suasana keamanan dan ketenteraman yang telah kita nikmati selama ini akan berkekalan untuk dinikmati sepanjang zaman kemerdekaan ini."

Dalam sempena lain iaitu Istiadat Menghadap Hari Keputeraan ke-38, Baginda menyenyerkan untuk mengekalkan perpaduan, sifat kerjasama, saling bantu membantu dan muafakat dalam mengungkapkannya usaha-usaha untuk faedah dan kebaikan bersama. "Beta juga sukacita mengambil kesempatan ini untuk berseru kepada semua rakyat dan penduduk negara ini yang Beta kasihi agar mereka dengan tidak kendur-kendur akan mengekalkan azam dan tekad mereka untuk sentiasa berganding bahu dengan Kerajaan Beta dan terus memikul tanggungjawab masing-masing sebagai rakyat dan penduduk sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik mengaulakan cintakan ketenteraman, keamanan, keselamatan negara kita Brunei Darussalam bersendikan kepada ajaran-ajaran Agama Islam dan sentiasa berusaha pada memperoleh kebajikan dan kebahagiaan serta kemajuan bagi semua rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini."

SELEPAS memeriksa barisan kehormatan Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung beristirahat di Dewan Istirehat di Bangunan Penerbangan Diraja Oman (atas).

DI SEBELAH malamnya Baginda Yang Dipertuan berangkat ke Majlis Persantapan Malam Kenegaraan dan dialu-alukan oleh D.Y.M.M. Sultan Qaboos (bawah).



GAMBAR atas kelihatan D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam (no. 5 dari kiri) bersama YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Norain, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan Datin Masni semasa menyaksikan persembahan kebudayaan oleh masyarakat wanita Oman



Menoleh Pandang Pemasyhuran Kemerdekaan



UPACARA Pengisytiharan Kemerdekaan telah dimulakan dengan sembahyang Maghrib berjemaah di masjid-masjid di seluruh negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam; Kebawah D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain kerabat Diraja juga berangkat menunaikan sembahyang berjemaah bersama rakyat di Masjid Omar Ali Saifuddin, di ibu negara.

WALAUPUN di saat pengisytiharan kemerdekaan pada malam itu hujan turun dengan lebatnya, namun demikian semangat rakyat dan penduduk untuk sama-sama merayakan upacara tersebut tidak luntur.

Moreka sejak awal-awal lagi berduyun-duyun membanjiri Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin untuk memeriahkan lagi upacara yang bersejarah itu seperti kelihatan gambar-gambar kanan dan bawah.



KEMERDEK KE ARA

"SEORANG yang bersongkok apabila 'menyingkakan' sedikit songkoknya ke kiri atau ke kanan itu hanya perubahan biasa tetapi jika ia memang diketahui bersongkok sebagai amalnya sehari-hari lantas suatu ketika tidak memakainya lagi itu boleh dinamakan perubahan radikal," begitulah kiasan yang pernah diucapkan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman (sekarang YDM Pehin Udana Khatib) dalam gerakan-gerakan Penerangan sebagai jawapan pertanyaan orang ramai yang ingin tahu bentuk dan corak pentadbiran Kerajaan sesudah mencapai kemerdekaan.

CORAK PENTADBIRAN

Timbulnya pertanyaan-pertanyaan yang melibatkan perkara-perkara Negara dan Kerajaan di kalangan rakyat dan penduduk seperti perkara bentuk dan corak pentadbiran Kerajaan sesudah Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan itu adalah disebabkan antaranya:

- Kandungan Perjanjian 1979 lambat diketahui umum
- Kekeliruan dalam memahami kedudukan taraf Brunei sepanjang perhubungannya dengan Great Britain; dan
- Ketidaktahuan mengenai kedudukan pemerintahan negara ini di bawah Perlembagaan tahun 1959.

Sebenarnya dalam gerakan-gerakan Penerangan sama ada melalui majlis-majlis taklimat dan majlis penerangan di seluruh negara atau dalam kursus-kursus sivik sebelum itu, banyak kali telah diceramahkan berhubung dengan kedudukan taraf Brunei sepanjang perhubungannya dengan Great Britain dan kedudukan pemerintahan negara ini di bawah Perlembagaan tahun 1959.

1 JANUARI, 1984 merupakan tarikh yang paling bersejarah dan pasti tidak dapat dilupakan oleh setiap rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah panji-panji Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Tarikh ini amat bermakna kepada seluruh rakyat dan penduduk negara ini, kerana atas izin dan limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala jua Negara Brunei Darussalam yang mempunyai penduduk dianggarkan 210,000 orang, telah kembali sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat setelah 95 tahun berada dalam naungan Great Britain.

PERUBAHAN TARAF

Pertukaran taraf dari sebuah negara naungan kepada sebuah negara yang merdeka dan berdaulat itu adalah ekoran daripada Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama yang telah ditandatangani pada 7 Januari, 1979 di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah bagi Kerajaan Brunei dengan Yang Amat Berhormat Lord Goronwy Roberts, Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Luar dan Komanwel British selaku wakil Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi pihak United Kingdom, setelah kedua belah pihak mempertimbangkan bahawa:

- Brunei telah bersetuju mengambilalih semula dengan secara penuh tanggungjawab antarabangsa sebagai sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka;
- Kedua-dua berazam hendak meneruskan perhubungan-perhubungan yang lama lagi turun-temurun bagi persahabatan yang rapat dan kerjasama.

"Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama, 1979 yang telah dibuat di antara Beta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen bagi United Kingdom of Great Britain dan Northern Ireland dan dengan Pertukaran Nota di antara Beta dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Queen maka telah dipersetujui bahawa apa jua kuasa, kewajipan atau tanggungjawab yang mungkin dipegang oleh Kerajaan

Sement
disampai
gerakan

Alhamd
yang melu
bukan sel
tersembun
perkara it
disedari.

"Denga
negeri na
bahawa Br
yang berki
telah dapa
tidaklah s
dengan ke
mana bag
suatu per
dan kuasa
kuasa per
dalam tang
pemerinta
bukanlah
kuasa kol
tegas Per
menyadari
kedudukan
Peneranga
dalam be
Pemasyhu

Kebawa
da Que
bawah s
dahulu
United
gungjaw
sebuah
daklah
penama
masuk t
negeri a
Yang D
Satu har
Puluh
Maha M
Dipertu
Negara

Penca
berada
sebad
kebangg
negara i
dari segi
punyai s
negara i
'berdiri
masyara
Hakik
sebagai
mempun
iklim sos

Di sa
merdeka
perasaan
kerana
jaksana
Baginda
itu telah
suasana
menam
rakyat j
Negara
diadaka
Kebang



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menerima jambangan bunga dari kanak-kanak ini sejurus keberangkatan rombongan Baginda Yang Dipertuan di Istana Kubbeh, Republik Arab Mesir (atas).

SALAH satu tempat dalam keberangkatan lawatan Baginda ialah ke Arab-British Company For Dynamic Industries (EDB-Plant). Kelihatan Baginda menerima penjelasan di salah sebuah makmal senjata (atas kanan).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menandatangani buku lawatan di Pengkalan Tentera di Anshass (bawah).

Keberangkatan Kebawah D.Y.M.M. eratkan hubungan Mesir/Brunei

Oleh: Manap Rahman



REPUBLIK Arab Mesir adalah antara tiga buah negara yang dilawati oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam yang sedia ada mempunyai hubungan diplomatik dengan Negara Brunei Darussalam.

Hubungan itu dipereratkan lagi dengan keberangkatan Baginda Yang Dipertuan yang disifatkan oleh Tuan Yang Terutama Presiden Mubarak sebagai pertanda tulen ke arah hasrat Baginda ke matlamat mengadakan hubungan kerjasama di semua bidang.

Kedua negara sememangnya mempunyai tujuan dan matlamat yang sama yang berkebajikan dan bermanfaat.

Republik Arab Mesir sememangnya negara sahabat yang telah lama mempunyai

hubungan rapat terutama dalam hal-ehwal bidang pengajian.

Dalam bidang ini saja Negara Brunei Darussalam telah mendapat bantuan sejak 20 tahun lalu dari negara sahabat itu untuk penuntut-penuntut negara ini di universiti negara tersebut.

Hubungan diplomatik antara keduanya telah dijalin pada awal tahun lepas. Negara tersebut satu-satunya negara di Timur Tengah di mana terdapat kedutaan Brunei Darussalam.

Selain dari berangkat mengadakan lawatan-lawatan, Baginda dan Yang Dipertuan juga berkenan bertukar cenderamata dan bintang-bintang kebesaran serta mengadakan rundingan empat mata yang diikuti dengan rundingan di peringkat rombongan yang mana kedua pihak telah berpuas hati terhadap hasil yang dicapai.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam mendengarkan taklimat ketika berangkat berkunjung ke Pyramid Ahram (atas).

UKIRAN buatan yang antik ini amat menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dalam bangunan Masjid Ctkidel Sallahuddin (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menerima cenderamata sempena keberangkatan Baginda ke Muzium Islam di Bab El Khalaq (kanan).





KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dan D.Y.M.M. Sultan Qaboos menerima tabik hormat sejurus keberangkatan tiba Baginda di Lapangan Terbang Antarabangsa, Seeb untuk lawatan negara selama tiga hari ke Oman.

DI HARI kedua lawatan Baginda ke Oman, Baginda telah mengadakan perbincangan khas dengan D.Y.M.M. Sultan Qaboos di Bilik Persidangan Istana Al-Alam (kanan).

Sekitar lawatan negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika bertitah di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan di Istana Basman, Jordan (atas).

SUASANA kekeluargaan dan persaudaraan sentiasa menyelubungi dua kerabat Diraja bagi kedua negara yang bersahabat (kanan).

DI Istana Nadwa Jordan kedua keluarga Diraja berbual mesra sejurus sebelum pertukaran penganugerahan bintang-bintang kebesaran dan cenderamata (bawah).

PEMBESAR-pembesar negara bagi kedua negara berdatang sembah dalam majlis perkenalan yang berlangsung di Majlis Persantapan Malam Kenegaraan di Istana Basman Jordan (bawah kanan).

Gambar-gambar oleh: Pengiran Haji Yaakub dan Harun Rashid



KEBERANGKATAN tiba Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke majlis persantapan di Waljat Hall dialu-alukan oleh D.Y.M.M. Sultan Qaboos (atas tengah).

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara (nombor 3 dari kanan) bersama D.Y.M.M. Sultan Qaboos (di sebelah kiri Baginda) semasa menyaksikan perlumbaan unta di Sohar (atas).

DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam menyaksikan pameran dan persembahan kebudayaan oleh masyarakat wanita Oman khusus untuk Duli Yang Teramat Mulia (kiri).



Januari, 1985.

h D.Y.M.M. dan D.Y.T.M. Pengiran Isteri Hajjah Mariam e Oman, Mesir dan Jordan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam serta Tuan Yang Terutama Presiden Hosni Mubarak dan Puan Mubarak selepas Majlis Pertukaran Penganugerahan Bintang-Bintang Kebesaran (atas kiri).

BAGINDA Yang Dipertuan telah dianugerahkan dengan Bintang Kebesaran Tertinggi Mesir, Collar Of The Nile (atas kanan) dan Collar Of Al Kamal dianugerahkan kepada Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam (kanan).

DALAM masa yang berasingan, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam berangkat melawat ke Masjid Citidel Sallahuddin dan Muzium (bawah).



LAWATAN NEGARA KEBAWAH D.Y.M.M. KE JORDAN

LAWATAN kenegaraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang dipertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam ke negara-negara Timur Tengah berakhir dengan lawatan Baginda berdua ke Negara Jordan.

Keberangkatan pulang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah diucapkan selamat berangkat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Hussein dan Permaisuri Noor di Lapangan Terbang Tentera Jordan.

Turut mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda berdua dan rombongan ialah ahli-ahli Kerabat Diraja Hashemite Jordan pegawai-pegawai tertinggi tentera dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan rombongan berangkat tiba di Jordan pada 19 Disember.

Liputan: Manap Rahman

Sejurus keberangkatan tiba Baginda Yang Dipertuan pada sebelah tengah hari, Baginda Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berangkat ke Istana Nadwa bagi pertukaran penganugerahan bintang-bintang kebesaran dan cenderamata.

Baginda Yang dipertuan telah menganugerahkan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam, Darjah Kerabat (DK) kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Hussein dan Permaisuri Noor.

Baginda Yang Dipertuan telah dianugerahkan dengan Bintang Tertinggi Jordan, Sherif Hussein Ibn Ali dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam dengan Bintang Kebesaran Al Nahda.

Di sepanjang lawatan tiga hari di negara tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Dipertuan juga telah dijunjung berangkat melawat ke beberapa bahagian ketenteraan Jordan yang termasuk ke Markas Tentera di Qyada, Pengkalan Udara Tentera, Muzium Peringatan, Pusat Perubatan Raja Hussein dan Markas Membuat Senjata.

Dalam masa yang sama Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam juga mengadakan lawatan yang berasingan.

Di samping itu Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengadakan rundingan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Hussein di mana Baginda berdua telah bersetuju untuk mengadakan hubungan diplomatik antara Jordan dan Brunei Darussalam.

Hasil dari rundingan itu juga kedua negara bersetuju untuk mengadakan hubungan kerjasama di dalam semua bidang.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam diperkenalkan kepada ahli-ahli kerabat Diraja Hashemite, Jordan sejurus keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di Lapangan Terbang Tentera, Jordan (atas).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dialu-alukan oleh pegawai-pegawai tinggi tentera sejurus keberangkatan Baginda ke Markas Tentera Qyada, Al-Mafrek.



BAGINDA Yang Dipertuan semasa berangkat ke Pengkalan Tentera Udara di sebuah markas bengkel jet-jet pejuang Mirage.

SELEPAS melawat Markas Tentera, Baginda Yang dipertuan berangkat pula ke Pusat Perubatan Raja Hussein dan kelihatan Baginda ketika diperkenalkan kepada pakar-pakar perubatan di pusat tersebut (bawah).



DALAM keberangkatan Baginda Yang Dipertuan melawat Muzium Peringatan Martyrs, Baginda telah dipersembahkan oleh Ketua Komandan dengan "The Golden Medal Of The Martyr Memorial."

uari, 1985.

— LANJUTAN PROSES MAJUJAN

Oleh: JAHRI HAJI ABD LATIF

NJIAN

1979 pula telah
media massa danPenerangan
dengan orang ramai
yang seolah-olah
menyampaikan
hampir-hampir tidakadalah sebuah
dengan memahami
laintannya sendiri
menaka orang ramai
kekan bagi Brunei
disama-samakan
jajahan yang
merupakan
kedaulatan dan
sedia berada
nyal Kerajaan dan
erdekan baginya
memerintah dari
sional tempatan."gerakan kempen
mengenal ertikata
setelah gerakan
terutama sekali
menjelang hari
gkan orang ramai

terhadap kemerdekaan telah dapat disewajarkan dengan kenyataan yang sebenar mengenai beberapa perkara penting kenegaraan khususnya mengenai kuasa memerintah, taraf kerakyatan dan ciri-ciri penting negara ini sebagai sifatnya sebuah Negara Melayu Islam yang beraja.

Jika pun ada jangkaan dan kekeliruan orang ramai berhubung dengan kedudukan Kerajaan atau pemerintahan selepas merdeka, mereka sudah diberitahu dengan terus terang bahawa tidak ada perubahan yang radikal mengenainya dan tidak sepatutnya akan ada perubahan dalam corak kenegaraan. Apa yang mungkin akan berubah sekalipun tidak serta-merta dan tidak sebesar mana, ialah bukan corak pemerintahan atau Kerajaan tetapi ialah perubahan dalam susunannya mengikut kesesuaian dengan tambahan beberapa tanggungjawab yang dengan sendirinya akan mempengaruhi penyesuaian dalam cara melaksanakannya.

SUSUNAN PENTADBIRAN

Ini ternyata apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan merasmikan Majlis Persidangan Negeri ke-21 pada 21 Disember 1983 (10 hari sebelum pengisytiharan kemerdekaan), Baginda mengumumkan suatu susunan baharu dalam pentadbiran Kerajaan akan dibuat, termasuk penubuhan beberapa Kementerian.

Dan sejurus setelah Istiadat Pemasyhuran Kemerdekaan pada 1 Januari 1984, Baginda telah mengumumkan susunan baharu pentadbiran di mana Jabatan, Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan di mansuhkan. Baginda selanjutnya mengumumkan susunan Kabinet.

Kementerian yang diumumkan oleh Baginda selepas Pemasyhuran Kemerdekaan itu ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kewangan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Undang-Undang, Kementerian Perhubungan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan dan Kementerian Pembangunan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sendiri memegang tiga portfolio iaitu sebagai Perdana Menteri, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Kewangan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien diberi portfolio Menteri Pertahanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah selaku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah bertanggungjawab sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dilantik menjadi Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz pula sebagai Menteri Pelajaran dan Kesihatan serta Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman diperanankan sebagai Menteri Pembangunan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah memasyhurkan kemerdekaan pada 1 Januari 1984 yang lalu.

m

Paduka Seri Bagin-
Darussalam di
susunan yang ter-
Darussalam dengan
gati dengan tang-
tuhannya sebagai
merdeka hen-
1983 dan dengan
Daulatan Beta ter-
urusan-urusan luar
sebagai Sultan dan
Darussalam pada
Ratus Lapan
sebagai Sultan dan
Yang Dipertuan
kemerdekaan



KEBAWAH D.Y.T.M. Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien melafazkan Allahu Akbar sebanyak tiga kali dan serentak dengan itu diikuti oleh para hadirin yang menyertai dalam perhimpunan tersebut.

merdeka setelah
British hampir
nya adalah suatu
dan penduduk
kita kecil diukur
hanya, tetapi mem-
pangsa dan negara.
Status kita ibarat
rendah' di kalangan

rasaan bangga kita
puah negara yang
upun kita menurut

RA

bangsa yang telah
kan syukur dengan
Subhanahu Wataala
serta pimpinan bi-
Mulia Paduka Seri
tuan, kemerdekaan
at dan aman dalam
dan mantap. Ini
dan kegembiraan
n Hari Kebangsaan
ng pertama kalinya
tarikh rasmi Hari
assalam.

Kelahiran Negara Brunei Darussalam dengan kestabilan dan kemantapan ekonominya itu telah menimbulkan banyak ulasan-ulasan oleh media massa luar negeri. Umpamanya, majalah Al-Islam dalam rencana pengarangnya membuat ulasan, "tentulah sangat mendukacitakan kalau Brunei lahir sebagai sebuah negara miskin dalam rantau yang kacau ketika seluruh dunia mengalami kemelesetan ekonomi dan diancam perang dunia (nuklear) yang ketiga."

NEGARA M.I.B.

Nasib baiklah kita mendapat perlindungan rahmat Allah Subhanahu Wataala dari segala malapetaka dan bencana, malah mentakdirkan-Nya sebagai sebuah negara yang stabil dan mantap dengan kekayaan minyak mentah dan gas cecair asli (LNG).

Di sebalik itu Negara Brunei Darussalam juga memiliki sifatnya yang tersendiri sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja. Konsep ini telah ditegaskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan semasa mengisytiharkan pemasyhuran kemerdekaan Negara Brunei Darussalam awal tahun ini. Titah Baginda: "Bahawasanya, Negara Brunei Darussalam dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wataala, akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah

Wal-jamaah dan berasaskan kebebasan, amanah dan keadilan."

Ini juga merupakan satu pegangan tentang hakikat kenegaraan yang menjadi konsep atau falsafah generasi turun-temurun serta azam rakyat dan penduduk seluruhnya dalam menuju kehidupan bermasyarakat dan bernegara merdeka.

Syukur alhamdulillah kerana dalam suasana Negara Brunei Darussalam hendak mengambilalih semula tarafnya sebagai sebuah negara merdeka lagi berdaulat terutama masa transisi lima tahun yang tamat pada 31 Disember, 1983 Negara Brunei Darussalam hampir tidak menghadapi isu ideologi, persengketaan mengenai perkauman, bahasa dan perbezaan agama seperti kebanyakan negara yang baru merdeka, walaupun kira-kira 75% daripada penduduk adalah berbangsa Melayu dan bakinya terdiri daripada bangsa lain.

Sebabnya, kata Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman (sekarang YDM Pehin Udana Khatib) dalam buku kecilnya KEMERDEKAAN latar belakang — jangkaan — harapan telah pun diceramahkan secara meluas dalam gerakan-gerakan penerangan) bahawa Brunei yang merdeka dan kita bangsanya yang menjadi bangsa merdeka bukanlah baharu memulai kerja-kerja menubuhkan negara.

KERAKYATAN

Negara Brunei Darussalam, menurut Pengarah Penerangan sudah tertubuh dengan asas-asas yang turun-temurun dan kemudian dirumuskan ke dalam Perlembagaan 1959, Pemasyhuran Mengangkat Raja tahun 1959 dan Undang-Undang Taraf Kebangsaan tahun 1961. Kesemuanya itu merupakan rumusan mengenai asas-asas yang terpenting negara dari segi Kuasa Tertinggi Memerintah; Corak Negara Beraja; Ujama Rasmi dan Bahasa Rasmi dan Taraf Kerakyatan.

"Bagi kebanyakan negara yang merdeka perkara seumpama kerakyatan dan bahasa rasmi serta juga ujama rasmi adalah perkara yang rumit yang harus diselesaikan sebelum merdeka kerana ia merupakan sebahagian unsur dalam pembentukan negara. Tetapi tidak demikian halnya bagi kita di Brunei. Kita bersyukur perkara sedemikian itu sudah lama diselesaikan dan berkuatkuasa dengan baiknya. Mengenai kerakyatan misalnya seperti yang dinyatakan dalam nota ketiga (Exchanges of Notes) yang terkandung dalam Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama 1979, Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 adalah diiktiraf dalam menentukan taraf mana-mana rakyat naungan British (British Protected Persons) yang mempunyai kediaman tetap di Brunei."

"Tegasnya tidak ada peruntukan dan syarat-syarat baharu dalam Undang-Undang Taraf Kebangsaan Brunei 1961 berikutan daripada pertukaran taraf Brunei kepada sebuah negara yang berdaulat lagi merdeka," jelas Pengarah Penerangan.

*Walaupun negara kita
kecil bilangan penduduk
dan saiznya, tetapi
mempunyai status yang
sama dengan bangsa dan
negara-negara besar
yang telah merdeka —
"berdiri sama tinggi,
duduk sama rendah"*



DOA Selamat atas selamat berlangsungnya Upacara Pemasyhuran Kemerdekaan itu telah dibacakan oleh YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail, Mufti Kerajaan.

rtb Intisari minggu ini

"PEGAWAI GEDUNG"

— tajuk sandiwara minggu ini

PENULIS Hirbusu, Singapura menentangakan tentang berbagai ragam pegawai-pegawai keselamatan di sebuah gedung, dalam menjalankan tugas-tugas sehari-hari mereka. Sandiwara ini pula dipaparkan dalam bentuk komedi.

Watak Jamil terpaksa bersikap tegas terhadap pegawai-pegawainya yang tidak kesemuanya bersikap bertanggungjawab terhadap kewajiban mereka untuk menjaga dan mengawasi setiap orang yang keluar masuk membeli belah di gedung itu dan memastikan yang semua barang-barang yang dibawa keluar dari sana sudah dibayar kesemuanya.

Dalam kejadian tangkap-menangkap pembeli itulah, kadang-kala terjadi kisah lucu di mana ada setengah dari pegawai-pegawai keselamatan itu hanya main sambar-sambar buta dan akibatnya orang yang tidak bersalah pun diheret dan tertuduh. Akibatnya mereka juga yang menerima padahnya.

Kelakuan pegawai gedung yang berbagai ragam itu sudah lebih daripada cukup untuk memenatkan kepala Jamil. Kesibukannya di pejabat itu hingga terbawa-bawa ke rumahnya dan serba sedikit telah juga mengganggu fikiran isterinya Tina.

Memandangkan pekerjaan mereka yang sentiasa mengawasi gerak-geri pembeli dan mengintai kesilapan, Tina menganggapnya sebagai satu pekerjaan yang berbahaya. Kerana itulah ia menasihati dan sara suaminya berhenti dari kerja itu dan mencari pekerjaan lain yang lebih selamat.

Apakah tindakan Jamil setelah isterinya membuat keputusan begitu? Bersediakah ia menurutinya atau bagaimana? Berhibur dan ikutlah siarannya pada 6 Januari, 1985 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini adalah terbitan Haji Abdullah Awang Damit.

PERUBAHAN SUSUNAN RANCANGAN 1985

MULAI 1 Januari 1985, hari-hari Ahad dan hari-hari kelepasan awam, siaran dimulakan jam 12.00 tengah hari.

Hari Sabtu tidak ada perubahan.

Hari Ahad siaran dimulakan dengan Big League Soccer.

Tayangan Gambar (ditukar dari hari Selasa). Setengah jam rancangan hiburan Glenn Campbell/Paul Anka (ditukar dari hari Jumaat). Siaran seterusnya adalah seperti biasa.

Hari Selasa Tayangan Gambar ditiadakan (ditukar ke hari Ahad). Pot Black (ditukar dari hari Khamis).

Hari Rabu Tayangan Gambar ditiadakan (ditukar ke hari Khamis). Newhart dimasukkan sebelum rancangan Road To Wembley (ditukar

dari hari Jumaat).

Hari Khamis Tayangan Gambar (dari hari Rabu) termasuk untuk Big Movie (ditaja). Pot Black ditukar ke hari Selasa.

Hari Jumaat rancangan Knots Landing ditukar ganti dengan rancangan Hardcastle and McCormick.

Radio Minggu Ini:

Rancangan baru di tahun baru

SEMPENA dengan tahun baru masihi ini, Radio Minggu Ini mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada pendengarnya. Dalam suasana baru ini juga, Radio Brunei seperti selalunya telah membuat tinjauan balik terhadap rancangan-rancangannya. Mana-mana rancangan yang difikirkan masih perlu dipertahankan akan terus berkumandang di udara sama ada dengan menggunakan formatnya yang baru ataupun mengekalkannya seperti yang telah sudah-sudah. Bagi rancangan yang kurang mendapat sambutan pula, akan ditiadakan.

Menyebut tentang rancangan baru ini, Radio Minggu Ini akan menyentuh mengenai rancangan yang diberi tajuk 'KELUARGA SI AWANG'. Dengan kemunculan 'keluarga' ini ke corong radio, berarti akan mengorbankan pula sebuah rancangan lain yang sedia ada. Rancangan Lukisan Masyarakat yang biasa dikeduakan pada tiap hari Jumaat telah dipadamkan dari senarai rancangan-rancangan radio dan digantikan dengan sebuah rancangan mingguan tetap yang berkisar dalam sebuah keluarga.

Format rancangan ini adalah lebih berat kepada pendidikan projek-projek kerajaan yang disalurkan melalui drama, kerana radio berkeyakinan penuh yang sesuatu yang didramakan itu

lebih ketara keberkesannya ataupun dalam kata lain lebih mudah untuk difahami. Tambahan lagi drama dipercayai lebih menarik minat pendengar daripada sesuatu rancangan yang hanya ke udara dalam bentuk majalah atau rencana.

Dengan kelahiran keluarga Si Awang itu nanti berarti akan muncullah lagi sebuah rancangan yang bersifat ke-negara yang terbentuk melalui drama. Watak-watak tetap dalam drama ini terdiri dari tiga orang ahli dari keluarga iaitu ibu, bapa dan si Awang sebagai anak yang selalu bertindak selaku pengadil atau sebagai seorang yang merasa bertanggungjawab untuk menyebarkan apa-apa jua projek kerajaan terhadap keluarganya ataupun masyarakat kelilingnya yang kurang mengerti mahupun yang tidak mengerti langsung tentang apa-apa jua projek kerajaan yang difikirkan perlu untuk pengetahuan umum. Di samping watak tetap yang disebutkan tadi, beberapa watak tambahan patut juga diketengahkan guna untuk lebih menghidupkan lagi suasana masyarakat di sekeliling kita.

Tujuan Radio Minggu Ini menentangakan format rancangan ini adalah untuk memberikan garis-pandu kepada penulis-penulis tanah-air yang berminat untuk menyumbangkan skrip bagi rancangan ini. Bahan-bahannya biarlah dipilih dari bahan-bahan ringan yang ber-

unsurkan kenyataan yang khusus berkisar dalam negara kita sendiri. Ini dihasratkan untuk menjadikan garis pemisah bagi membezakannya daripada Sandiwara atau Drama Radio yang membawa tema yang lebih berat.

Semogalah dengan lahirnya rancangan baru ini, akan dapat meningkatkan lagi mutu terbitan radio seperti yang diharap-harapkan, dan akan menambah seri di wajah negara yang tercinta ini di dalam tahun yang keduanya menjangkau usianya dalam kemerdekaan. Kepada penulis-penulis tanahair, kami mengucapkan selamat menulis.

FORUM TV

RADIO TELEVISYEN BRUNEI sebagai alat media-masa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia akan terus berusaha untuk menjolkan apa yang disebut satu kenyataan melalui Forum TV, sebuah rancangan tempatan yang bertujuan bagi menimbangkan sifat kesedaran dan perasaan bertanggungjawab di kalangan rakyat dan penduduk di negara ini. Forum yang mengandungi dua orang Penasihat dan seorang Pengerusi yang diundi secara individu akan memberikan buah fikiran dan pandangan yang berfaedah dan membina dalam berbagai bidang kepentingan tanpa menyinggong terlalu berat terhadap masalah peribadi seseorang atau polisi jabatan dan forum ini juga tidak akan menjejaskan pelaksanaan Dasar Kerajaan atau Politik Negara.

Dalam Rancangan Pertama Siri Kedua Forum TV malam ini kita akan dapat mengikuti satu tajuk perbincangan yang agak menarik iaitu 'TATARAKYAT DAN KEPENTINGANNYA'. Forum ini dipengerusi oleh Pg Mustapha bin Pg Metassan dan disertai oleh dua orang penasihat iaitu Hj Abdul Hamid bin Hj Abdullah dan Awg Rusli bin Morni.

Pada kesimpulannya, apa jua pandangan yang diberikan dalam forum ini sedikit sebanyak akan dapat dijadikan Garis Pandu bagi kepentingan rakyat dan penduduk di negara ini yang sama-sama bertanggungjawab untuk jadi ristaan kegemilangan Negara Brunei Darussalam mencapai kemajuan yang lebih tinggi di semua bidang berkeadilan, sesuai dengan taraf negara yang merdeka lagi berdaulat.



AWANG Noorsha Haji Abdullah memang tidak asing lagi khususnya kepada peminat sukan tanah-air. Awda akan berpeluang mengikuti lebih lanjut lagi mengenai penglibatan beliau dalam sukan menerusi rancangan TETAMU RADIO yang akan disiarkan pada hari Ahad 6 Januari jam 5.00 petang.

Ulangannya akan ke udara pada hari Khamis jam 2.00 petang. Rancangan diterbitkan oleh Helen Thu. Gambar atas kelihatan Ali Haji Aji bersama tetamu undangan sebelum rakaman dijalankan.

Resipi Minggu Ini:

NASI KUZU AYAM

BAHAN-BAHANNYA :—

- 1 lb minyak sapi
- 2 cupak beras siam yang baik
- 1 kati kacang dall kuning
- 1 ekor ayam
- 1 cawan pati santan pekat
- 1 cawan susu cair
- 1 sudu besar air mawar
- 1 sudu besar air madu
- 5 ulas bawang putih
- 5 ulas bawang merah di-

mayang halus
2 inci halia

BAHAN-BAHAN TUMIS:—

- 1 kuntum bunga lawang
- 5 kuntum bunga cengkih
- 1 batang kulit kayu manis
- 8 biji buah pelaga.

PEMERAP AYAM :—

- 2 camca teh garam
- 2 camca kunyit serbuk
- 2 sudu besar air halia
- 1 sudu kecil serbuk lada

- 2 sulah
- 2 biji air limu nipis
- 1 cawan ketumbar biji
- 1 camca jintan manis
- 1 digoreng tanpa minyak (dan digiling halus)
- 1 camca jintan putih
- 1 cawan ketumbar

CARA-CARA MEMBUAT. NYA :—

Ayam dibelah empat, dibersihkan serta perap selama 15

minit dengan bahan-bahan pemerap. Beras dan kacang dall dibersihkan dan toskan airnya. Sementara itu panaskan minyak sapi dalam periuk tumiskan bahan-bahan hingga kuning dan wangi. Masukkan ayam serta santan dan susu serta garam dan serbuk perasa. Kacau rata-rata bila setengah masak

angkat dan bubuh sukatan sebanyak sukatan beras, bila sudah mendidih masukkan nasi dan kacang dall, kacau perlahan-lahan sampai airnya kering. Masukkan air mawar dan air madu dan ayam selepas itu tutup periuk kecilkan apinya. Bila sudah masak angkat hiaslah di dalam pinggan taburkan dengan biji gajus dan bawang goreng.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU
2 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 TEETIME AND CLAUDIA
4.40 FRAGGLE ROCK
5.10 IT'S YOUR MOVE
5.40 SUPERFRIENDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 HART TO HART: 'The Shooting'
Jennifer mengambil tugas sebagai model yang menawan dengan tidak mengetahui yang kamera penggambarannya dipasang dengan alat pelepas, sementara Jonathan pula berkejar untuk menghentikan perbuatan balas dendam seorang laki-laki terhadap Jennifer.
7.40 AZAN ISYAK
7.44 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 FORUM: 'Tata Rakyat Dan Kepentingannya'
10.05 NEWHART: 'No Room At The Inn'
Malam sebelum Krismas, rumah penginapan telah dipenuhi. Seorang tukang kayu yang muda dan isterinya yang sarat mengandung tiba untuk menyewa sebuah bilik.
10.35 THE MISSISSIPPI: 'Home Again' (Siri terakhir)
11.25 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS
3 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGAINST THE ODDS
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 SHORT STORY THEATRE: 'All Summer In A Day'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 THE A TEAM (Siri baru) 'Diamond And Dust'
7.40 AZAN ISYAK
8.44 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 THE AGATHA CHRISTIE: 'The Mystery Of The Blue Jar'
Jack Hartington, seorang pemuda lincah, terkejut apabila terdengar pekikan 'Tolong' Pembunuhan! di padang golf pada satu pagi. Tetapi seorang tidak kelihatan. Khayalannya itu hanyalah permulaan satu kesan misteri, yang melibatkan orang-orang Perancis yang tidak dikenali dan seorang bernama Dr. Larvington'.
10.25 THREE'S COMPANY: 'Upstairs, Downstairs'
Jack Tripper mendapati dirinya dalam keadaan panik yang melucukan semasa dia menipu tiga jamuan makan di tiga buah rumah yang berlainan apabila hidangan istimewa untuk Chrissy dan Janet menjadi rumit dan riuh dengan ketibaan dua teman yang mengembirakan.
10.55 TAYANGAN GAMBAR: 'Aliens Are Coming'
Penaklukan tubuh-tubuh manusia oleh perangut tubuh bersama-sama makhluk-makhluk asing dari sebuah

planet yang semakin kehilangan sumber. Pelakon-pelakon: Harvey Hart ber Pelakon-pelakon: Harvey Hart, Tom Mason dan Melinda Fee.

12.30 SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT
4 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN BANDAR SERI BEGAWAN.

PETANG

- 1.25 SPORTS 'JUDO: Counter Attack and Combination Attacks' (Siri terakhir)
1.45 ANIMALS IN ACTION: 'It's A Frog Life'
Katak didapati dalam berbagai bentuk dan warna. Rencana ini meneliti bentuk-bentuk am katak seperti kaki, lidah, suara dan juga kehidupan-kehidupannya. Ada katak bertelur di kolam, dalam lubang dan ada pula di pokok yang mengandungi air. Jenis katak beracun yang terdapat di Amerika Selatan membawa anak-anaknya dibelakangnya.
2.10 THE YEARLING: 'Teachers Test'
2.40 HE-MAN AND THE MASTER OF THE UNIVERSE
KONONNYA: 'Asalnya Menjadi Pantong'
3.00 KONGONNYA: 'Asalnya Menjadi Pantong'
3.25 CHALLENGE: 'Fast Across The Circle'
3.50 AZAN ASAR
3.54 CHALLENGE — sambungan
4.00 MILLER'S COURT
4.30 AGRICULTURE 2000
5.00 SCIENCE WORKSHOP
5.20 EXPEDITION DANGER
5.50 MAKING THE MOST OF THE MICRO — ulangan
6.00 BERITA AWAL
6.05 MAKING THE MOST OF THE MICRO — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 AUTOMAN: 'The Great Pretender'
7.40 AZAN ISYAK
7.44 AUTOMAN — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA: 'Sepanjang Jalan — Sipa Yang Sakit'
9.45 HARDCASTLE AND McCORMICK.
10.40 KNOTS LANDING: 'So Shall We Reap'
11.35 SIARAN TAMAT.



SALAH satu adegan dalam Tayangan Gambar Akhir, Don't Raise The Bridge Lower The River yang dibintangi oleh Jerry Lewis pada hari Sabtu ini kira-kira jam 10.35 malam.

HARI SABTU
5 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY: 'Power To Power'
6.00 BERITA AWAL
6.05 BRITANNICA'S PHENOMENAL WORLD: 'The Restless Sea'
Rencana yang menarik ini menjelajah pelbagai peranan yang dimainkan oleh laut dalam kehidupan kita; sumber makanan, tempat lahirnya ribut taufan, dan kolam misteri dan keajaiban yang tidak habis-habis dengan kuasa untuk memberi kesan kepada kita semua.
6.27 AZAN MAGHRIB
6.37 GOING BANANAS: 'Bananas Not Included'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 KNIGHT RIDER: 'Mouth Of The Snake' Bhg. 2
7.40 AZAN ISYAK
7.44 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: 'Don't Raise The Bridge Lower The River'
Seorang bangsa Amerika dengan skim-skim lekas kayanya berakhir dengan ditinggalkan oleh isterinya yang berbangsa British. Apabila dia menjadikan rumah pusaka isterinya sebuah tempat disko Cina, isterinya kembali dan mengancam untuk menyaman suaminya itu kecuali dia mengembalikan keadaan rumah seperti dahulu.
12.10 MUSICAL: ROCKLINE
Artist: Whitesnake, Slade, Ultravox
1.00 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD
6 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.15 BIG LEAGUE SOCCER
12.33 AZAN ZUHUR
12.36 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan

PETANG

- 1.15 TAYANGAN GAMBAR: 'Hurricane'
2.45 GLENN CAMPBELL
3.15 PINK PANTHER INSPECTOR
3.45 THE JEFFERSONS
3.52 AZAN ASAR
3.56 THE JEFFERSON — sambungan
4.10 FANTASY ISLAND
4.55 ECONOMIC MADE EASY (Ulangan)
5.05 PAPERCHASE: 'Advocates'
6.00 BERITA AWAL

- \$.05 FRANKENSTEIN JR AND THE IMPOSSIBLE
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 BENSON

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 SIMON AND SIMON: 'The Dillinger Print'
7.42 AZAN ISYAK
7.46 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIBURAN: 'Dendang Dari Seberang' (ulangan)
9.15 JOURNEY INTO THAILAND: 'City Of The Angels'
9.45 ONLY WHEN I LAUGH
10.15 MASTER OF THE GAME
10.55 TALES OF THE UNEXPECTED: 'The Memory Man'
Dalam keadaan terdesak dan takut kehilangan temanitanya yang cantik, seorang pemuda bergeliga ingatannya menyalahgunakan kepandaian-nya itu dengan menolong seorang yang bersifat sangsi untuk mengingat nombor alamari stesen.
11.30 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN
7 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 THE DUKES OF HAZZARD
4.55 SMURFS
5.30 HORIZON (Siri baru) 'Brave New Babies'
6.00 BERITA AWAL
6.05 HORIZON — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 T. J. HOOKER: 'Cheer Leader Murder'
7.42 AZAN ISYAK
7.46 T. J. HOOK — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: 'Nasi Kuzi Ayam'
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.30 GIVE US A CLUE
9.50 DOCUMENTARY SPECIAL: 'The Patients Are Changing Colours'
10.40 THE JEWEL IN THE CROWN: 'Ordeal By Fire'
Susan menyuruh Sarah pergi ke Calcutta untuk bertemu Ronald Merrick, yang tercedera dalam usahanya untuk menyelamatkan Teddie. Alangkah terkejutnya Sarah apabila mendapati Merrick dalam keadaan teruk akibat dari penyerbuan Jepun yang membunuh Teddie.
11.30 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA
8 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 LUCKY LUKE
5.00 WORLD OF SURVIVAL: 'Two Lovely Black Eyes'
5.30 JOHAN AND PEEWIT
6.00 BERITA AWAL
6.05 NATIONAL GEOGRAPHIC (Siri baru) 'Among Wild Chimps'
6.29 AZAN MAGHRIB
6.39 NATIONAL GEOGRAPHIC — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.20 THE MASTER (NINJA)
7.42 AZAN ISYAK
7.46 THE MASTER (NINJA) — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.30 RUMPUN BUDAYA
9.55 DYNASTY: 'Fallon'
10.50 POT BLACK 1983
11.20 SIARAN TAMAT.

Rancangan Rancangan



RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 2 JANUARI

PAGI: 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Permintaan Pagi Rabu, 11.15—Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30—Seloka Merpati/Mutiara Asli.

PETANG: 2.00—Hiburan, 2.30—Nada Pedoman/Muzika Tanahair (SU), 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.25—Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00—Suara Kugiran (SU), 4.30—Ruangan Ketani, 5.00—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Titian Budaya (SU), 8.15—Permintaan Sukaramai, 9.15—Pertandingan Bintang Kecil '85.

HARI KHAMIS 3 JANUARI

PAGI: 9.00—Dokumentari, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Ronggeng Tanahair (SU), 10.30—Permintaan Sukaramai, 11.30—Untuk Awda.

TENGAH HARI: 1.30—Sumbangsih/Senandung Lagu-lagu Lama (SU).

PETANG: 2.00—Tetamu Radio (SU), 2.30—Sekitar Masyarakat (SU), 3.15—Hiburan Petang, 3.25—Majalah Ugama, 4.00—Drama Dari Novel, 4.30—Rampai Petang, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 8.15—Selingan Irama, 8.30—Bimbingan Al-Quran, 9.00—Lagu-lagu Asli, 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 4 JANUARI

PAGI: 9.30—Nada Pedoman/Musika Tanahair, 10.15—Soalan Di Udara, 10.30—Rampaisari, 11.30—Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.15—Bacaan Al-Quran, 12.30—Siaran Langsung Menyampaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15—Selingan Irama, 1.45—Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00—Keluarga Si Awang (SU), 2.30—Dokumentari (SU), 3.15—Dendang Si Alai (SU), 3.30—Pelajaran Di Udara, 4.00—Permintaan Jiran Tetangga, 4.30—Dunia Wanita, 5.00—Suara Bintang-Bintang/Penyanyi Harapan, 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00—Cerpén Dan Salukan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Majalah Ugama (SU), 9.00—Alam Remaja (SU), 9.30—Tafsir Al-Quran.

HARI SABTU 5 JANUARI

PAGI: 9.00—Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30—Hiburan Riang Ria, 9.45—Dendang Si Alai (SU), 10.15—Varia Peristiwa (SU), 10.30—Rampaisari (SU).

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00–6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30–12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menyempurnakan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.25 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita Perdana)

8.00 pagi

10.00 pagi

12.45 tengah hari

1.30 tengah hari (hari Jumaat)

3.00 petang

5.30 petang (Berita Perdana)

8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

TENGAH HARI: 1.30—Mutiara Asli/Seloka Merpati (SU).

PETANG: 2.00—Permintaan Hujung Minggu, 3.15—Hiburan Petang, 3.30—Cerpén Dan Salukan (SU), 4.00—Hiburan, 4.15—Soalan Di Udara (SU), 4.30—Rampai Petang, 5.45—Kuliah Ugama.

MALAM: 7.00—Tinjauan (SU), 8.15—Suara Bintang-bintang/Penyanyi Harapan (SU), 8.45—Bangsawan Di Udara (SU), 9.15—Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 6 JANUARI

PAGI: 9.00—Taman Mekar, 9.30—Pesta Pop, 11.00—Ronggeng Tanahair, 11.15—Sandiwara Radio.

TENGAH HARI: 12.30—Tahniah Dan Ucapan Selamat, 1.00—Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00—Sekitar Masyarakat, 2.30—Serbanika Persembahan, 3.15—Selingan.

3.45—Titian Budaya, 4.00—Suara Kugiran, 4.30—Majalah Sukan, 5.00—Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Seni dan Sastera, 7.15—Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30—Suara Parajurit, 9.00—Drama Dari Novel (SU), 9.30—Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 7 JANUARI

PAGI: 9.00—Sain Dan Perusahaan, 9.30—Pilihan Pendengar, 10.10—Berdendang Denganku, 10.30—Dunia Wanita (SU), 11.00—Sukma Ria.

TENGAH HARI: 1.30—Permintaan Hari Isnin.

PETANG: 2.30—Keluarga Si Awang, 3.15—Selingan, 3.30—Alam Remaja, 4.00—Bangsawan Di Udara (Anjamar siri ke-3), 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Hiburan Rampaian, 8.15—Majalah Sukan, 8.45—Kuliah Ugama

(SU), 9.00—Serbanika Hiburan (SU), 9.30—Kutujukan Lagu.

HARI SELASA 8 JANUARI

PAGI: 9.00—Suara Parajurit (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15—Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30—Permintaan Kaum Wanita.

TENGAH HARI: 1.30—Senandung Lagu-Lama/Sumbangsih.

PETANG: 2.00—Kusampaikan Salam, 2.30—Varia Peristiwa, 2.45—Hiburan, 3.15—Seni Dan Sastera (SU), 3.30—Sukma Ria (SU), 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45—Senandung Senja.

MALAM: 7.00—Ruangan Ketani (SU), 7.15—Selingan Irama, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00—Bahas Sekolah-sekolah, 9.30—Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

WEDNESDAY

P.M.

8.00 Hello Tomorrow
8.30 33rd Cheltenham Festival: Beethoven Sonatas (Prog 3 side 1 of 3 & side 2 of 3).
9.30 Talking About Music—297.

THURSDAY

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 Sixty-Minute Theatre: The Kamikaze Ground Staff Reunion Dinner by Stewart Parker
